

## BERKONGSI AGIHAN DAGING KORBAN

Menurut Mesyuarat Lembaga Fatwa Sarawak kali ke-16, daging korban sunat boleh dimakan atau diberikan kepada orang bukan Islam dalam masalah terpencil (dalam keadaan tertentu) atas sebab maslahat dakwah dalam masyarakat majmuk, sementara korban wajib adalah tidak dibenarkan.

Namun yang demikian, pemberian tersebut hendaklah **mengutamakan** kepada masyarakat Islam setempat yang memerlukan. Sekiranya terdapat lebih daging yang tidak dikehendaki oleh masyarakat Islam dan dalam masa yang sama terdapat orang bukan Islam yang dikenali dengan sifat baik dan ramahnya dengan masyarakat Islam, maka bolehlah daging korban sunat tersebut diberikan kepada mereka atas dasar konsep dakwah dan siasah syariah. Amalan dan pandangan ini adalah bertepatan dengan ayat al-Quran:

لَا يَنْهَىكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُم مِّن دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Maksudnya: “Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangimu dalam agama (kamu), dan tidak mengusir kamu dari kampung halamanmu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil.”

(Al-Mumtahanah 60:8)

Dalam sebuah hadis daripada Sayyidina Abdillah bin ‘Amr *Radhiallahu ‘anhu*, bahawa Nabi *Sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

حَيْرُ الْأَصْحَابِ عِنْدَ اللَّهِ تَعَالَى خَيْرُهُمْ لَصَاحِبِهِ، وَخَيْرُ الْجِيرَانِ عِنْدَ اللَّهِ تَعَالَى خَيْرُهُمْ لِجَارِهِ

Maksudnya: “Sebaik-baik teman di sisi Allah adalah seseorang yang terbaik terhadap temannya. Manakala sebaik-baik jiran di sisi Allah adalah seorang yang paling baik dengan jirannya.”

(Riwayat Imam at-Tirmizi, no. 1944)

Selain itu, terdapat juga hadis yang boleh dijadikan sandaran untuk menyatakan bahawa pemberian daging korban sunat kepada orang bukan Islam yang dikenali dengan sifat baik dan ramahnya dengan masyarakat Islam adalah termasuk dalam berbuat baik yang dibenarkan oleh syarak. Sayyidina Abdullah Bin ‘Amru al-‘Ash *Radhiallahu ‘anhu* ketika beliau menyembelih seekor kambing buat ahli keluarganya lalu berkata: Adakah kamu telah menghadiahkan daging tersebut kepada jiran kita yahudi? (beliau menanyakannya sebanyak dua kali). Aku bertanya hal

tersebut kerana sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

مَا زَالَ جِبْرِيلُ يُوصِيَنِي بِالْجَارِ حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ سَيُورَثُهُ

Maksudnya: “*Jibril sentiasa mewasiatkan kepada aku (berbuat baik) kepada jiran sehingga aku menyangka mereka menjadi sebagai pewaris*”.

(Riwayat Imam al-Bukhari, no. 6015)

Antara hikmah pensyariaan ini adalah supaya kita dapat bersama-sama menjaga keutamaan hak asnaf dan fakir miskin Islam, membersihkan hati daripada sifat bakhil, mengukuhkan persaudaraan serta secara tidak langsung dapat menjadi medium dakwah kepada masyarakat bukan Islam.

Oleh yang demikian, berkongsi agihan daging korban sunat kepada orang bukan Islam adalah harus (boleh) dengan syarat mengikut garis panduan syarak yang ditetapkan. Namun begitu, pemberian daging korban ini juga masih tetap mengutamakan umat Islam terlebih dahulu.

Ibadah korban bukan hanya semata-mata penyembelihan, tetapi suatu ibadah yang membawa makna kepada pengorbanan dan ketaatan. Justeru, pendidikan dan kefahaman berkenaan hukum korban adalah amat penting untuk mengelakkan penyalahgunaan dan memastikan nilai ibadah korban terpelihara. Sikap toleransi dan bijaksana dalam isu perkongsian korban atau aqiqah perlu diamalkan selagi tidak bercanggah dengan prinsip asas ibadah.

جَابِرٌ مُّفْتِي سَرَاوَقِ  
JABATAN MUFTI SARAWAK